

05 OCT 1996

PRM - Tambak

PRM MAHU PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN DI SELAT TEBRAU DISEGERAKAN

JOHOR BAHRU, 5 Okt (Bernama) -- Parti Rakyat Malaysia (PRM) mahu cadangan projek pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor dilaksanakan segera.

"Lebih cepat projek itu dilaksanakan, lebih baik kesannya kepada kedua-dua negara kerana projek berkenaan amat sesuai," kata Timbalan Pengerusi Kebangsannya, Abdul Razak Ahmad kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata PRM menyambut baik cadangan projek itu kerana ia sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesesakan serta keadaan perairan itu yang pada masa ini kotor.

"Daripada segi alam sekitar, projek pembinaan jambatan itu dapat mengalir dan mengurangkan kotoran di bahagian barat tambak itu," kata Abdul Razak, yang juga Pengerusi PRM Johor.

Cadangan untuk merobohkan Tambak Johor, yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura sejak Jun 1924, diutarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan projek Waterfront City bernilai RM6,000 juta di sini Julai lepas.

Bulan lepas, sebuah syarikat pembinaan dan pembangunan hartanah, Transwater Corp Bhd telah mengemukakan cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri bagi menggantikan Tambak Johor dengan jambatan serta jambatan keretapi.

Cadangan projek secara pembangunan bersepadu itu yang bernilai RM1,100 juta akan diberi nama pintu masuk antarabangsa Iskandar Petri.

Pada masa ini, kira-kira 100,000 orang menyeberangi Tambak Johor setiap hari dari kedua-dua arah.

Bagaimanapun, laluan kedua yang menghubungkan Tanjung Kupang dan Tuas di Singapura kini dalam pembinaan dan dijangka siap akhir tahun depan.

Laluan itu dijangka dapat mengalihkan aliran trafik sebanyak 30 peratus dari tambak yang ada sekarang yang menghubungkan Johor Baharu dengan Woodlands. -- BERNAMA

MKO FAZ